

PM: Rakyat harus teruskan budaya berkongsi kekayaan

UM 1 1 MAR 2002

Oleh ASUKI ABAS

UALA LUMPUR 10 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakyat Malaysia yang pelbagai kaum harus meneruskan budaya berkongsi kekayaan sesama mereka bagi mengekalkan kemakmuran negara.

Menurut Perdana Menteri, semua kaum boleh menambah kekayaan masing-masing sekiranya mereka saling membantu memakmurkan kaum lain di negara ini.

“Jika kita membantu kaum lain termasuklah Iban atau Kadazan, mereka akan mempunyai kekayaan untuk membeli barangan yang kita hasilkan,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada majlis jamuan Tahun Baru Cina anjuran tujuh gabungan persatuan Cina di Hotel Mandarin Oriental di sini, malam ini.

Perdana Menteri berkata, rakyat perlu mencontohi orang Jepun yang datang melabur di negara ini seterusnya meraih kekayaan melalui keuntungan pelaburan serta barangan yang dijual di Malaysia.

“Pelabur Jepun datang ke negara ini, mendirikan kilang dan memberikan kerja bagi membolehkan kita membeli barangan mereka.

“Akhirnya orang Jepun ini dapat dua keuntungan - mula-mula daripada pelaburan kemudiannya menerusi barangan yang kita beli daripada mereka,” ujar Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia akan menjadi huru-hara sekiranya semua kaum enggan berkongsi kekayaan kerana suasana dalam negara akan menjadi tidak stabil.

“Di Malaysia, kita selalu katakan lebih baik kita memiliki 10 peratus daripada sesuatu, daripada tidak memiliki apa-apa,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, tidak ada sesiapa pun yang akan mendapat faedah jika mereka bertindak merampas kekayaan orang seperti yang dilakukan oleh pedagang mata wang asing terhadap Malaysia pada tahun 1997.

Katanya, beliau telah bertemu dengan Bill Clinton (bekas Presiden Amerika Syarikat) di Vancouver dan menyatakan kepadanya bahawa Asia Timur mengalami kerugian yang banyak dengan kehilangan lebih AS\$500 bilion (RM1,900 bilion).

“Saya katakan kita telah jatuh miskin sehingga tidak mampu untuk membeli kapal terbang mereka, tetapi Clinton menyatakan itu adalah (kuasa) pasaran.

“Tetapi setahun kemudian dia pula membuat pengakuan bahawa syarikat Boeing mengalami masalah kerana mereka tidak boleh menjual pesawat mereka,” katanya.

Perdana Menteri berkata, selagi tiga kaum utama di negara ini mengekalkan tradisi bekerja, bermain dan meraikan perayaan secara bersama, Malaysia akan terus menjadi sebuah negara yang aman.

Dr. Mahathir turut melahirkan rasa syukur kerana masyarakat Cina telah menghayati semangat kesepaduan dengan kaum lain melalui sokongan mereka terhadap polisi pengagihan kekayaan kerajaan.

“Sebenarnya ada golongan melampau yang mahu membolot semuanya, tetapi kita tidak perlukan mereka ini.

“Majoriti rakyat Malaysia adalah orang yang sederhana dan bertolak ansur,” katanya.

Sementara itu Dr. Mahathir menggesa perusahaan tempatan segera beralih kepada pengeluaran berteknologi tinggi bagi membolehkan mereka bersaing di pasaran antarabangsa.

Menurut beliau, perusahaan sedia ada di Malaysia akan kehilangan daya saing sebaik sahaja negara lain seperti China berjaya menghasilkan barangan yang sama dengan harga yang lebih murah.

Menurut Perdana Menteri, antara bidang yang boleh diceburi oleh perusahaan tempatan ialah teknologi maklumat dan fabrikasi.

“Kita perlu menceburi industri fabrikasi keluli atau aluminium dengan kualiti yang tinggi bagi terus bersaing,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia pernah melalui situasi yang sama ketika membuat keputusan untuk mengalihkan kegiatan ekonomi daripada perusahaan berasaskan timah dan getah kepada perusahaan perindustrian dan kelapa sawit.

“Saya baru diberitahu bahawa harga timah dan getah sekarang ini adalah cukup rendah.

“Bayangkan sekiranya kita tidak beralih kepada perindustrian dan kelapa sawit, apa yang akan terjadi kepada kita - tentunya kita akan menjadi amat miskin,” ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia bernasib baik kerana kerajaan telah lama meramalkan bahawa timah dan getah tidak mempunyai masa depan yang cerah untuk terus menyumbang kepada pendapatan negara.

Walaupun timah masih digunakan pada masa itu, bahan itu telah mempunyai saingan yang lebih murah seperti plastik dan kertas manakala getah pula disaingi oleh getah tiruan, katanya.

“Sebab itulah kita membuat keputusan untuk mengeluarkan kelapa sawit pula sehingga berjaya meningkatkan pengeluaran dari 300,000 tan setahun kira-kira 20 tahun lalu kepada 12 juta tan sekarang,” katanya.

Perdana Menteri berkata, melalui rancangan perindustrian pula, Malaysia telah menunjukkan kecemerlangan sehingga beberapa barangan dapat dihasilkan dengan jayanya oleh orang tempatan.

“Kita dapat mengeluarkan pendingin hawa, cerek dan periuk nasi sendiri yang terkenal di serata dunia.

“Tetapi barangan seperti inilah yang boleh dihasilkan oleh negara seperti China dengan harga murah,” katanya.